

KENYATAAN PENGARAH
JABATAN KESIHATAN WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR & PUTRAJAYA

**Berkenaan Operasi Penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kawalan
Hasil Tembakau 2004**

**(Larangan menjual atau menawarkan untuk menjual, membeli atau
memiliki paket rokok yang tidak dicetak dengan amaran kesihatan
bergambar)**

Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya (JKWPKL&P) telah menjalankan satu operasi penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004 yang dikenali sebagai 'Ops Serbu' di premis kedai runcit dan makanan sekitar Kg. Baru, Kuala Lumpur pada 9 Januari 2014. Operasi ini melibatkan kekuatan anggota seramai 55 orang yang terdiri daripada 40 orang Pegawai Diberikuasa dari JKWPKL&P, Unit Kawalan Tembakau, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Unit Inspektorat & Perundangan, KKM, 8 orang penguatkuasa dari Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Kuala Lumpur & Putrajaya, 4 orang penguatkuasa dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK) Kuala Lumpur & Putrajaya, serta 3 orang anggota polis dari IPD Dang Wangi.

Operasi penguatkuasaan ini dijalankan bagi tujuan memastikan pematuhan Peraturan 15(4A) yang telah diwartakan pada 11 Jun 2013 yang memperuntukkan larangan menjual atau menawarkan untuk menjual, membeli atau memiliki paket rokok yang tidak dicetak dengan amaran kesihatan bergambar. Sebanyak 24 premis telah diperiksa dan 10 kesalahan direkodkan dengan nilai kompaun sebanyak RM 3750.00. Sebanyak 829 kotak rokok pelbagai jenama yang melanggar peraturan telah dirampas dengan nilai rampasan sebanyak RM 2987.50.

Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Peraturan 15(4A), PPKHT 2004 akan ditawarkan kompaun minima sebanyak RM 250.00 bagi kesalahan memiliki atau membeli dan RM 500.00 bagi kesalahan menjual. Semua kompaun perlu dijelaskan dalam tempoh 30 hari dan sekiranya mereka gagal, tindakan mahkamah akan dikenakan dan jika disabitkan kesalahan boleh didenda sehingga RM 10,000.00 atau penjara 2 tahun atau kedua-duanya.

Adalah dimaklumkan bahawa JKWPKL&P dan KKM akan meneruskan tindakan penguatkuasaan terhadap perkara ini. Oleh itu orang ramai serta semua pihak adalah diminta agar tidak menjual, membeli atau memiliki rokok tidak sah.

Sekian dan terima kasih.

Disediakan oleh :

SHAFIZI B. ABDUL WAHAB

Ketua Unit Inspektorat & Perundangan

JWKPWPL&P

9 JAN 2014

Disemak oleh :

DR. MISLIZA BT. AHMAD

Ketua Unit NCD

JKWPKL&P

9 JAN 2014

Disahkan oleh :

DR. BALACHANDRAN A/L SATIAMURTI

Pengarah Kesihatan Negeri

JWKPWPL&P

9 JAN 2014